



KENYATAAN MEDIA

PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL DI BAWAH PENJANAGIG UNTUK PEKERJA EKONOMI GIG

KUALA LUMPUR – Dana padanan caruman platform ekonomi gig yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini telah dibuka pada **15 Jun 2020** untuk pendaftaran platform penyedia perkhidmatan gig di bawah **Program PenjanaGig** yang dikendalikan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Kerajaan memperuntukkan geran berjumlah RM50 juta dalam bentuk dana padanan bagi platform ekonomi gig, untuk membiayai caruman pekerja gig di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) PERKESO dan Skim i-Saraan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Menerusi Program PenjanaGig PERKESO, pekerja gig mendapat perlindungan keselamatan sosial SKSPS di bawah Pelan 2 dengan caruman RM232.80 **secara percuma selama setahun** di mana Kerajaan membiayai **70 peratus** bayaran caruman manakala baki **30 peratus** oleh platform penyedia perkhidmatan. Ini bermakna Kerajaan menyumbang sebanyak **RM163 daripada caruman setahun Pelan 2 SKSPS** di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017, sementara **platform penyedia perkhidmatan menyumbang RM69.80**.

Antara faedah yang disediakan SKSPS PERKESO adalah Faedah Perubatan, Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal, Elaun Layanan Sentiasa, Faedah Orang Tanggungan, Faedah Pengurusan Mayat, Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional dan Faedah Pendidikan.

Pekerja gig adalah mereka yang menjalankan sesuatu tugas atau kerja melalui platform penyedia perkhidmatan dalam talian atau aplikasi digital untuk mendapat upah seperti GrabCar, FoodPanda, Lalamove, Bungkusit dan sebagainya. Antara sektor yang mewakili pekerja ekonomi

gig adalah sektor pengangkutan penumpang e-hailing, pengangkutan makanan dan barang dan perniagaan dalam talian.

Antara syarat kelayakan untuk bantuan PenjanaGig termasuk bekerja secara aktif di bawah platform penyedia ekonomi gig yang berdaftar dengan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC).

Sejak **1 Januari 2020**, terdapat **28,425 pekerja ekonomi gig** yang berdaftar dengan PERKESO. Jumlah ini hanyalah **7 peratus daripada lebih kurang 400,000 individu** yang terlibat dengan ekonomi gig di negara ini, menurut anggaran MDEC. PERKESO berharap lebih ramai pekerja gig mendapat perlindungan keselamatan sosial menerusi Program PenjanaGig kerana mereka terdedah kepada pelbagai risiko berkaitan pekerjaan sendiri.

Platform penyedia perkhidmatan boleh berdaftar di bawah **Program PenjanaGig** melalui **gig.perkeso.gov.my**. Permohonan dan bayaran caruman boleh dibuat bermula **15 Jun 2020 sehingga 31 Disember 2021**.

Untuk maklumat lanjut mengenai PenjanaGig, sila rujuk kepada Soalan Lazim di laman web rasmi PERKESO www.perkeso.gov.my atau hubungi 1-300-22-8000 atau emel perkeso@perkeso.gov.my

**DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
KETUA EKSEKUTIF
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)
16 JUN 2020**

DISCLAIMER

PERKESO tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungan bagi apa-apa kerugian yang terbit dalam kontrak, tort atau sebaliknya atas penggunaan atau pendedahan apa-apa data oleh mana-mana pihak bagi tujuan Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN 2020 yang melibatkan PERKESO seperti Program Subsidi Upah, Program Pengekalan Pekerjaan dan Program Saringan Prihatin PERKESO atau program-program lain yang berkaitan dengannya dan tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungan sekiranya penggunaan atau pendedahan apa-apa data oleh mana-mana pihak bagi tujuan tersebut dilakukan oleh mana-mana pihak yang tidak diberi kuasa secara bertulis oleh PERKESO. PERKESO memandang serius terhadap keselamatan data peribadi dan meminta semua pihak supaya mematuhi peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkait dengan perlindungan data peribadi.